

diambil dari
UTUSAN MALAYSIA : 12/9/2013

OUM Terengganu kini beroperasi di bangunan sendiri

KUALA TERENGGANU 11 Sept. - Setelah ditempatkan di beberapa premis yang disewa sejak tujuh tahun lalu, Pusat Pembelajaran Universiti Terbuka Malaysia (OUM) Terengganu kini beroperasi di bangunan sendiri dalam suasana lebih kondusif di Bukit Tunggal, di sini.

Mula beroperasi sejak 1 Ogos lalu, bangunan yang dibina dengan kos sekitar RM7 juta itu dilengkapi 26 bilik kuliah dan tutorial serta ruang legar dan pejabat yang lebih luas dan selesa di samping kemudahan surau.

OUM bertapak di negeri ini sejak 2004 bermula di bangunan hadapan Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) yang kini dijadikan Kampus Kota Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), sebelum menyewa di dua lokasi berasingan pada 2006.

Menurut Timbalan Pengarahnya, Hanafi Mamat, OUM kemudiannya menyewa ruang pejabat dan kuliah pada hujung minggu di premis Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kuala

Terengganu dan Institut Pendidikan Guru Dato' Razali Ismail di sini.

"Bangunan baharu ini akan memberi impak besar kepada gerak kerja kami dan paling penting memberi kesesuaian kepada pelajar dan tenaga pengajar.

"Ketika ini, kami mempunyai kira-kira 1,150 pelajar pengajian jarak jauh (PJJ) dan separuh masa serta 185 tenaga pengajar yang sebahagian besarnya adalah pensyarah sambilan meliputi peringkat diploma, sarjana muda dan sarjana," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Dalam pada itu, beliau berharap kewujudan OUM di sini dengan peluang yang disediakan lebih disedari ramai orang dan mencambahkan minat mereka menyambung pelajaran secara PJJ dan separuh masa.

Apatah lagi, katanya, institusi itu juga telah mendapat pengiktirafan lima bintang oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) tahun lalu yang memberi jaminan kualiti pendidikan yang ditawarkan.



BANGUNAN baharu Pusat Pembelajaran Universiti Terbuka Malaysia (OUM) Terengganu di Bukit Tunggal, Kuala Terengganu.